

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG ANAK
GANDUM
[JULAU]**

TARIKH : 27.10.2016 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 13

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan koordinasi antara Kementerian dan Kerajaan Negeri (terutama Sabah dan Sarawak) dalam mengatasi masalah bekalan air terawat yang semakin rumit kerana pencemaran sumber-sumber air bersih berikutan aktiviti ekonomi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perkara-perkara yang berkaitan perlindungan dan pembangunan sumber air di negeri Sabah dan Sarawak terutamanya adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) iaitu Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Negeri Sarawak seperti mana yang termaktub dalam *Water Ordinance* (Tahun 1994), Negeri Sarawak dan Jabatan Bekalan Air Negeri Sabah (JANS) melalui Sabah *Water Supply Ordinance* (Tahun 1961), Negeri Sabah.

Untuk maklumat Yang Berhormat juga, JBALB Negeri Sarawak baharu sahaja ditubuhkan pada 1 September 2015 yang lalu. Penubuhan Jabatan baharu ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memperkukuhkan dan meningkatkan liputan bekalan air di negeri Sarawak seiring dengan perubahan dalam persekitaran yang disebabkan oleh pertumbuhan penduduk dan agenda pembangunan sosio-ekonomi di Negeri Sarawak ke arah mencapai Wawasan 2020.

Pihak Kementerian tidak pernah mengabaikan dan sentiasa memahami kepentingan keperluan asas terutamanya dalam usaha membekalkan air bersih dan terawat kepada masyarakat luar bandar. Pihak Kerajaan melalui Kementerian ini sentiasa menyediakan peruntukan yang besar untuk seluruh penduduk luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak.

Pihak Kementerian juga akan sentiasa membantu PBAN dalam memperluaskan liputan air di kawasan luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak berdasarkan skop dan kriteria pelaksanaan program Bekalan Air Luar Bandar di bawah Kementerian ini. Usaha untuk menyediakan semua kemudahan ini merupakan usaha berterusan dan menjadi keutamaan Kerajaan.